

## **PEMBANGUNAN ETOS BUDAYA ETNIK MELAYU MENGHARUNGI PEMODENAN: KAJIAN KES DI PULAU TUBA, LANGKAWI**

**Norzaliza Ghazali**

**Norhafidah Ibrahim**

**Melor Fauzita Md Yusoff**

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

---

**ABSTRAK:** Artikel ini membincangkan pembangunan etos budaya etnik Melayu yang berlaku di Pulau Tuba, Langkawi. Artikel ini bertujuan menilai impak proses pembangunan Langkawi ke atas perubahan pola kependudukan di Pulau Tuba. Data yang digunakan dalam penulisan ini diperolehi daripada kajian lapangan yang telah dilakukan di Pulau Tuba, Langkawi yang merupakan kawasan penempatan masyarakat yang keseluruhannya beragama Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa arus pembangunan ekonomi dan infrastruktur yang berlaku di pulau besar Langkawi hampir dua dekad lalu telah berjaya mengubah ekosistem pulau tersebut. Namun, hasil kajian juga menunjukkan bahawa masyarakat di Pulau Tuba tidak menerima pengaruh yang besar dan masih mengamalkan nilai budaya Melayu tradisi dalam meneruskan kelangsungan hidup.

**KATA KUNCI:** Pembangunan, Etos, Pulau Tuba, Langkawi.

---

### **PENGENALAN**

Masyarakat mempunyai budayanya yang tersendiri. Kebudayaan merupakan tamadun sesuatu masyarakat yang diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang berikutnya. Budaya yang menjadi amalan masyarakatnya melambangkan keperibadian, identiti, dan jati diri masyarakat tersebut. Sikap, amalan, dan penerimaan masyarakat terhadap budayanya dapat menjelaskan budaya sesebuah masyarakat itu.

Tradisi budaya Melayu itu sentiasa berteraskan kepada ajaran Islam. Dalam konteks Islam, orang Melayu memandang serius apabila isu pengaruh budaya asing menggugat atau bercanggah dengan ajaran Islam. Pembangunan dalam konteks global yang berlaku pada masa kini, turut mempengaruhi aspek sosial dan budaya tempatan. Dalam hal ini, masyarakat Pulau Tuba, Langkawi juga turut mengalami proses pemodenan dan pembangunan memandangkan Pulau Langkawi itu sendiri kian pesat membangun. Namun, elemen ketamadunan seperti sosio-budaya masih utuh terpelihara.

Etos merujuk kepada budaya secara keseluruhan atau sebagai salah satu aspek dalam budaya, iaitu sistem nilai (Hanapi Dollah, 2008, hlm. 95). Sistem nilai wujud secara abstrak tetapi terserlah dalam kehidupan harian sesebuah masyarakat. Mohd Taib Osman (1975) mentakrifkan etos sebagai sistem nilai sosial yang terdapat dalam sesebuah budaya. Sesebuah masyarakat terbentuk atas persetujuan para anggotanya untuk patuh kepada suatu pegangan hidup secara bersama.

Etos daripada segi etimologi berasal daripada perkataan Yunani dan sekiranya diterjemahkan perkataan itu membawa maksud sifat atau ciri sesebuah masyarakat atau komuniti. Manakala dalam bahasa Yunani kata '*ethos*' bererti sikap keperibadian, watak, karakter, serta keyakinan atas sesuatu. Etos tidak hanya dimiliki oleh individu, kelompok, masyarakat bahkan bangsa.

Pengekalan identiti budaya tradisi perlu dipelihara walaupun berlakunya proses transformasi dan gelombang kemodenan yang mempengaruhi corak kehidupan masyarakat. Kelangsungan sesebuah tamadun dan peradaban bergantung kepada sejauh mana keupayaan manusia mengurusnya. Dalam konteks ini, kita perlu

menerokai pelbagai ilmu dan kemahiran dalam memantapkan diri untuk membina jatidiri ke arah pembangunan negara. Masyarakat Pulau Tuba perlu mempertahankan adat dan budaya yang dimiliki, namun menerima segala perubahan atau transformasi yang berlaku di sekitar mereka. Apabila budaya tradisi dipupuk dan dipelihara, secara tidak langsung kemajuan dapat dicapai menurut acuan kita yang tersendiri.

Pembangunan tanpa perancangan yang teliti akan mendatangkan kesan yang negatif. Sehubungan itu, pengawasan kesan-kesan pembangunan terhadap sosio-budaya perlu dikaji dan diberikan perhatian oleh masyarakat khususnya di Pulau Tuba, Langkawi dan agar peradaban Melayu terus terpelihara. Justeru, kajian ini adalah penting dalam membantu memberi gambaran dan pemahaman tentang perubahan yang berlaku kepada masyarakat Pulau Tuba, Langkawi dan ruang lingkup persekitarannya.

Pulau Tuba merupakan salah satu daripada gugusan 99 kepulauan yang terletak di sekeliling Pulau Langkawi dan dengan keluasan 1,763 hektar atau 20 kilometer persegi menjadikan pulau ini pulau ketiga terbesar selepas Pulau Langkawi dan Pulau Dayang Bunting. Ketiga-tiga pulau ini merupakan pulau yang didiami oleh manusia dengan jumlah paling ramai adalah di Pulau Besar Langkawi. Terdapat jambatan yang menghubungkan Pulau Tuba dengan Pulau Dayang Bunting yang cukup popular di kalangan pelancong. Pulau Tuba terletak sejauh 3.4 batu nautika daripada Jeti Point, Kuah dan mengambil masa antara 10 sehingga 20 minit dengan menaiki bot dari Jeti Kuah. Lazimnya bot yang digunakan mampu menampung sehingga 12 orang penumpang. Mereka yang menggunakan khidmat bot ini adalah merupakan penduduk Pulau Tuba yang berkunjung ke Pulau Langkawi untuk membeli barangan keperluan harian atau atas urusan rasmi.

## **SEJARAH AWAL PULAU TUBA**

Berdasarkan cerita yang diperolehi daripada penduduk kampung yang merupakan penduduk tempatan Pulau Tuba, mengatakan bahawa berdasarkan sejarah awal, pengasas yang mula-mula menemui Pulau Tuba ialah Tok Bagus dan pengikut-pengikutnya sebelum zaman penjajahan Jepun lagi di Tanah Melayu. Tok Bagus telah membuka tanah dan penempatan awal di Pulau Tuba dan kemudiannya orang-orang dari Utara Semenanjung turut serta ke Pulau ini untuk mendapatkan tanah dengan membuka lebih banyak tanah baru. Pulau Tuba mendapat nama sempena pokok Tuba yang banyak terdapat di pulau itu. Pokok tuba ini pada awalnya digunakan oleh penduduk sekitar untuk meracun tanaman mereka dari serangan makhluk perosak. Buah pokok tuba diambil dan ditumbuk sehingga hancur serta kemudiannya direndam di dalam air bagi meracun tanaman mereka (Sila rujuk Lampiran 1).

## **KAWASAN PENEMPATAN**

Sebanyak 450 buah rumah dan 4000 lebih jumlah penduduk yang menetap di Pulau Tuba dan kawasan selat. Terdapat tiga kawasan penempatan yang utama iaitu di Timur, Barat dan Selatan Pulau Tuba. Pulau Tuba menempatkan sebanyak tujuh buah kampung dengan jumlah penduduk adalah seramai lebih kurang 4,000 orang. Pulau Tuba juga dikenali sebagai "Pulau Islam" kerana semua 3,000 penduduknya beragama Islam. Kampung-kampung yang terdapat di Pulau Tuba adalah seperti berikut:

- Kampung Pulau Tuba
- Kampung Telok Bujur
- Kampung Lubok Etok
- Kampung Telok Berembang
- Kampung Lubuk Chempedak
- Kampung Bagan Asam
- Kampung Bagan Pauh

Sebanyak 93% penduduk asal Pulau Tuba dan 7% (4 orang) adalah daripada orang luar yang menetap kerana berkahwin dengan penduduk tempatan. Kebanyakan penduduk yang ditemui mengatakan bahawa mereka

telah turun temurun tinggal di Pulau Tuba dimana kedua ibubapa dan nenek moyang mereka merupakan penduduk asal yang membuka tanah di Pulau Tuba.

### **KEMUDAHAN PRASARANA**

Pulau Tuba merupakan sebuah penempatan kecil di mana struktur rumahnya tersusun dan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas seperti: -

1. 3 buah sekolah rendah
  - Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba
  - Sekolah Kebangsaan Lubuk Chempedak
  - Sekolah Kebangsaan Selat Bagan Nyior
2. 1 buah sekolah menengah
  - Sekolah Menengah Kebangsaan Langkawi (Pulau Tuba)
3. Sebuah pondok balai polis Pulau Tuba
4. Sebuah klinik 1 Malaysia
5. 5 buah jeti
  - Jeti utama terletak di Pulau Tuba
  - 4 buah lagi di sekitar kawasan selat
6. 2 buah masjid
  - Masjid Al-Wafa di Pulau Tuba
  - Masjid di Lubuk Chempedak sebagai tempat untuk beribadat dan sebagai tempat menggunakan jenazah, ceramah agama dan sebagainya.
7. 3 buah homestay
8. 5 buah telefon awam

Penduduk Pulau Tuba mendapatkan bekalan air bersih dari Pulau Langkawi dan bekalan elektrik pula dijana oleh tenaga generator. Kerajaan membelanjakan kira-kira lebih daripada RM200 sebulan pemberian subsidi minyak untuk menggunakan generator itu bagi kegunaan penduduk di Pulau Tuba.

### **SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT PULAU TUBA**

Sosio-ekonomi penduduk di Pulau Tuba ini dipacu oleh pelbagai aktiviti. Aktiviti utama penduduk di sini adalah sebagai nelayan yang telah menjadi warisan sejak dahulu lagi. Disebabkan lokasi pulau ini sendiri yang dikelilingi oleh lautan maka aktiviti menangkap ikan menjadi pekerjaan utama. Selain itu, penduduk pulau ini juga mengusahakan perusahaan membuat ubatan berasaskan gamat yang banyak terdapat di pantai sekeliling Langkawi. Terdapat juga golongan nelayan yang mengambil upah menggunakan sampan mereka untuk membawa penduduk kampung berulang alik dari Pulau Tuba ke Pulau Langkawi dan segelintir dari mereka mencari pekerjaan tetap di Pulau Langkawi.

Selain itu, penduduk di sini juga menjalankan aktiviti pertanian secara kecil-kecilan seperti bersawah dan menanam tanaman seperti ubi kayu, pisang dan lain-lain. Walaupun penduduk di pulau ini terdiri daripada perkampungan nelayan, namun mereka turut merasai arus pemodenan yang melanda Pulau Langkawi. Hasilnya, terdapat penduduk kampung yang berjaya menjadi pengusaha chalet-chalet kepada pelancong ke Pulau Tuba dan tidak ketinggalan terdapat penduduk yang memiliki bot-bot besar untuk membawa penumpang dari Pulau Langkawi ke Pulau Tuba.

### **BUDAYA TRADISI YANG MASIH DIAMALKAN DI PULAU TUBA**

Kajian lapangan yang telah dilakukan di Pulau Tuba, Langkawi mendapati bahawa masyarakat Pulau Tuba, Langkawi masih lagi mengekalkan dan mengamalkan budaya dalam kehidupan mereka. Amalan gotong royong di antara penduduk dan sanak saudara, di dalam meraikan majlis perkahwinan memeriahkan

suasana. Bagi penduduk Pulau Tuba, aktiviti ini amat dinantikan untuk mengenali saudara mereka yang tinggal di luar pulau. Hasil temubual dengan saudara Roslan, bergotong royong juga dikenali sebagai berderau. Ia melibatkan kerjasama dan muafakat seluruh penduduk terhadap sesuatu aktiviti atau kegiatan di kampung tersebut. Bagi menjayakan majlis perkahwinan, tuan rumah akan bermesyuarat atau berpakat dengan ahli keluarga dan jiran tetangga yang terdekat. Biasanya tuan rumah telah menyerahkan kerja kepada keluarga tertua. Jika yang muda sekalipun, dia adalah yang dihormati dan berupaya mengatur perancangan. Ahli keluarga yang berkumpul bersama jiran akan membahagi-bahagikan tugas kenduri dan kendera berdasarkan tarikh majlis dan berapa ramai jemputan dan tetamu undangan.

Ahli keluarga terdekat bermula dengan tugas menjemput saudara mara dan jiran sekampung. Ia diikuti dengan keluarga dan jiran seqariah dan akhirnya yang di luar. Kadang-kala dijemput dahulu keluarga di luar supaya mereka dapat tahu lebih awal dan tidak mendapat berita dari orang lain. Setelah keluarga semua tahu akan majlis, mereka sesama sendiri akan berpakat untuk memberi bantuan yang termampu. Bagi yang ada dusun kelapa akan memberi kerisik (nyior masak) dan buah kelapa. Bagi yang mempunyai ladang pisang dan tanaman sayuran akan memberi buah pisang dibuat gulai dan pembasuh mulut serta juga buah labu untuk dibuat sayur. Manakala yang pandai membuat kuih akan memberi kuih bakar, putu kacang, kuih karas dan setidak-tidaknya kerepek pisang atau ubi. Sekiranya dia menanam serai, kunyit, halia atau lengkuas, barangan inilah yang mereka bawa atau berikan. Malahan ada yang menyediakan tenaga dengan mencari kayu api dan mengangkat air dari sungai atau telaga.

Apabila telah tiba hari kenduri, bangsal tempat makan, lepor tempat bermayam dan menghidang, tempat memasak dan membuat air serta tempat menyusun atur lauk dan nasi perlu dibuat. Dengan itu, orang kampung dan kaum keluarga akan sama-sama ke hutan mencari daun atap, tiang dan perkakas atau ke tebing sungai dan dusun bagi mencari buluh dan batang pinang bagi dibuat pengalag dan lantai. Semua kerja dibahagi-bahagikan. Bagi kaum ibu akan bersiap-siap di rumah untuk membuat pelamin, membersihkan dan menghias rumah. Inilah proses kenduri yang berlaku.

Menurut beliau lagi, majlis tidak berakhir apabila semua jemputan telah pulang, kerja cuci mencuci periuk belanga, kualu dan kawah dan lain-lain peralatan diteruskan. Jiran tetangga dan saudara mara terdekat dan yang datang dari jauh terus membantu. Semuanya dibuat pada sebelah petang dan esok harinya sehingga selesai memulangkan pinggan mangkuk dan periuk belanga syarikat atau jiran atau milik masjid. Dalam masyarakat Melayu tradisi, punggah memunggah khemah tidak timbul kerana tempat-tempat tersebut dibuat di bangsal-bangsal dan lepor yang didirikan secara gotong royong. Biasanya akan digunakan untuk majlis orang lain atau digunapakai oleh tuan kenduri. Mana-mana yang tidak digunakan akan dibuka secara beransur-ansur untuk dijadikan pondok atau dengan disawah padi atau di dusun.

Dalam kehidupan ini, kita tidak terlepas daripada keperluan berehat dan berhibur. Cara sesuatu bangsa itu berhibur melambangkan budaya dan tamadun bangsa itu. Sesuatu bentuk hiburan adalah seni yang melambangkan tinggi atau rendahnya sesuatu kebudayaan. Ia juga memberikan kesan kepada pembentukan moral. Kehidupan perlu dirancang dan disusun supaya penghayatannya memenuhi piawai budaya tinggi yang dibentuk berasaskan ketinggian akal, kesempurnaan moral dan rohaniah.

Di Pulau Tuba terdapat sebuah kumpulan yang menggelarkan kumpulan mereka Budaya Harapan yang terdiri dari enam orang. Masing-masing mahir dalam menggunakan alat muzik dengan bakat yang tersendiri. Mereka juga mempunyai bakat dalam seni suara. Antara ahli kumpulan Budaya Harapan adalah Encik Ahmad Bin Man (Pak Ngah) selaku pemain biola, Encik Salim (Pak Su) sebagai pemain gendang pertama, Encik Mohd Razi sebagai pemain gendang kedua, Encik Ismail Bin Masa sebagai penyanyi, Encik Mat Isa sebagai pemain "kerincing" dan Encik Azizan Bin Ahmad (Cik Am) selaku penyanyi dan pemain "tambori". Ada di antara mereka dalam kumpulan ini telah terlibat dalam kumpulan ini sejak dari kecil lagi.

Kumpulan ini sering diundang mengadakan persembahan di majlis-majlis rasmi dan banyak lagi. Encik Ahmad Bin Man atau lebih senang dikenali sebagai panggilan Pak Ngah dalam kalangan penduduk setempat menyatakan bahawa kumpulan ini telah lama wujud dan beliau merupakan peneraju dalam kumpulan ini. Kumpulan ini bergiat secara aktif pada tahun 1980an lagi dan pada tahun-tahun sebelumnya terdapat alat

muzik seperti gendang yang digunakan adalah tong air. Namun, kerana minat yang begitu mendalam akhirnya mereka dapat juga gendang baru untuk dijadikan alat muzik. Kumpulan ini juga berperanan untuk menarik minat para belia di Pulau Tuba bagi meneruskan perjuangan mereka dalam bidang ini agar tidak pupus ditelan dek zaman. Kemahiran untuk memahirkan diri dalam memainkan alat muzik dan menyanyi mengikut rentak yang dialunkan oleh gesekan biola amat sukar dan memerlukan masa yang agak panjang.

Kumpulan ini selalu dijemput untuk membuat persembahan marhaban, berendoi dan sebagainya. Marhaban dilakukan bagi tujuan untuk mendapatkan keberkatan atas perbuatan tersebut dan memberikan keberkatan pula kepada tuan rumah yang mengizinkan diadakan majlis marhaban. Manakala bagi upacara berendoi pula, tujuannya adalah untuk menyambut kelahiran bayi yang dianggap sebagai ilmu pertama bagi anak-anak yang baru lahir seterusnya diikuti dengan amalan tahnik iaitu memasukkan sesuatu yang manis seperti manisan madu lebah atau buah tamar yang dihancurkan dan memalitkannya ke langit bayi. Amalan mencukur rambut bayi sehingga botak adalah supaya segala kekotoran yang keluar daripada rahim dapat dibuang dan membolehkan rambut baru tumbuh dengan sihat. Senikata lagu berendoi menceritakan perihal memuji junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Selain itu, menceritakan perihal susah payah ibu mengandung dan melahirkan anak serta diselitkan kata-kata nasihat dan mesej yang baik kepada kanak-kanak tersebut. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu menyanyikan lagu rakyat untuk mendidik anak-anak mereka tentang adab-adab serta nilai-nilai murni yang wajar diikuti. Berikut merupakan lagu berendoi yang didendangkan oleh Pak Ngah bersama kumpulannya:

#### LIRIK LAGU BERENDOI

*Duhai ya anak  
Ingatlah olehmu  
Hendaklah balas  
Hai jasa ibumu  
Sertanya pula  
Jasa bapamu  
Kemudiannya pula  
Hai sekalian sahabatmu  
Ya Allah tuhan  
Yang suci  
Beri petunjuk sekeliannya  
Kami  
Iman dan taat  
Minta tambahi  
Dunia akhirat minta senangi  
Tamatlah sudah  
Anak dihayun  
Hai nazam bertambah  
Kami mulai dengan bismillah  
Sudahi pula alhamdulillah  
Duhai ya anak  
Ingatlah olehmu  
Hendaklah balas  
Hai jasa ibumu  
Sertanya pula  
Jasa bapamu  
Kemudiannya pula  
Hai sekalian sahabatmu  
Ya Allah tuhan  
Yang suci  
Beri petunjuk sekeliannya  
Kami  
Iman dan taat*

*Minta tambahi  
Dunia akhirat minta senangi  
Tamatlah sudah  
Anak dihayun  
Hai nazam bertambah  
Kami mulai dengan bismillah  
Sudahi pula alhamdulillah*

Lirik lagu berendoi ini mampu menjadi pendidikan secara tidak formal kepada semua generasi muda terutama di Pulau Tuba. Apabila lagu ini sering dimainkan, secara tidak langsung remaja-remaja ini mengingatkan pengorbanan ibu dan bapa dalam membesarkan mereka. Dalam Islam juga wajib kita supaya mentaati kedua mereka. Secara tidak langsung, dapat mendekatkan generasi muda agar tidak melupakan budaya tradisi ini.

### **PERUBAHAN SOSIO- BUDAYA DI PULAU TUBA, LANGKAWI**

Dari pemerhatian dan temubual yang dijalankan, kami mendapati terdapat banyak perubahan yang berlaku dari aspek sosio-budaya masyarakat Pulau Tuba. Antaranya ialah dalam pembangunan pendidikan yang memainkan peranan utama dalam membentuk masyarakat yang bertamadun. Kerajaan negeri Kedah telah mengambil inisiatif dengan membina Maahad Tahfiz Sains Darul Aman (MTSD) yang merupakan sekolah berasrama penuh di Pulau Tuba, Langkawi. Projek yang bernilai RM15 juta ini dicetuskan setelah Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri DiRaja Ustaz Azizan Abdul Razak mengadakan sesi dialog bersama penduduk Pulau Tuba. Satu-satunya generasi manusia yang paling unggul yang pernah lahir ke dunia ini ialah generasi Al-Quran. Generasi Al-Quran ialah generasi orang beriman yang menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dan mentaati perintah Rasul-Nya dengan penuh keyakinan terhadap kebenaran perintah tersebut. Mereka membentuk kehidupan di bawah petunjuk al-Quran dengan bimbingan dan tarbiyah Rasulullah s.a.w. dalam suasana jihad yang berterusan.

Minda generasi al-Quran ialah minda al-Quran. Minda al-Quran menjiwai ajaran al-Quran sepenuhnya. Asas inilah yang mencorakkan pemikiran generasi awal Islam ini sehingga terbentuk minda progresif yang membolehkan mereka bergerak maju ke hadapan dengan penuh yakin bagi meraih kejayaan hidup. Pembentukan dan perkembangan sesuatu tamadun ialah dengan meletakkan asas bagi suatu tradisi ilmu yang mendokong dan menggerakkannya. Oleh yang demikian, dengan adanya projek ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa masyarakat Pulau Tuba telah menerima arus perubahan yang baik dan berpotensi menjadi masyarakat berilmu. Terdapat juga dalam kalangan generasi muda di kampung ini yang boleh dibanggakan kerana berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara. Sebagai contoh, Saudara Tarmizi anak kepada Imam Hj. Nor Bin Lebai Rejab yang berjaya melanjutkan pelajaran dalam bidang syariah di Universiti Al-Azhar, Mesir. Beliau menyatakan bahawa tanpa ilmu, pembangunan dan perubahan yang berlaku tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik. Justeru, pentingnya ilmu terutama ilmu keagamaan menjadi keutamaan dalam masyarakat terutamanya di Pulau Tuba untuk menjamin kelangsungan tamadun Melayu Islam itu sendiri.

Dari segi aktiviti persatuan pula, masyarakat Pulau Tuba mempunyai Persatuan Belia mereka sendiri yang diterajui Encik Rosli. Persatuan ini berperanan mengetengahkan idea-idea dan permasalahan golongan belia pulau ini seterusnya menunjukkan bahawa generasi baru di pulau ini bergerak ke arah kehidupan yang berstruktur dan tersusun berpandukan ketua yang dilantik. Melalui program-program yang dijalankan semua generasi muda diberi kefahaman tentang sosio-budaya dan mereka diajar supaya lebih menghargai budaya sendiri daripada budaya luar yang lebih banyak negatifnya.

Seterusnya, dapat dilihat bahawa aktiviti harian penduduk pulau ini telah berubah daripada hanya mengharap hasil laut untuk pendapatan harian kepada perolehan mata pencarian baru berasaskan aktiviti pelancongan dengan wujudnya homestay untuk kemudahan pelancong menginap dan menikmati keindahan sekitar. Persatuan homestay ditubuhkan untuk membantu masyarakat di Pulau Tuba supaya

mempunyai saluran yang betul untuk menyuarakan sebarang masalah yang berkaitan. Selain itu, pembinaan Fakulti Maritim, Universiti Islam Antarabangsa telah menjadikan Pulau Tuba sebagai sebuah pulau penyelidikan. Pulau ini terbahagi kepada beberapa buah kampung yang merupakan sebahagian dari kawasan Geopark Langkawi yang diiktiraf UNESCO sebagai warisan Geopark di Malaysia.

### **FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERUBAHAN SOSIO-BUDAYA**

Secara umumnya, pembangunan yang pesat di Langkawi telah memberi kesan kepada pembangunan di Pulau Tuba. Kedatangan pelancong dan pendedahan kepada persekitaran pelancongan yang telah berlaku, telah menunjukkan bahawa masyarakat Pulau Tuba sentiasa menyambut baik sektor pelancongan sebagai satu jalan menuju kemodenan. Namun, mereka tidak meninggalkan budaya tradisi yang telah diamalkan sejak dahulu lagi. Budaya tradisi ini terus dipelihara dan dipulihara dengan baik.

Selain itu, faktor-faktor lain yang mempengaruhi perubahan sosio-budaya ialah teknologi moden yang semakin canggih. Pengetahuan dan kemahiran tentang teknologi moden seperti internet telah memajukan pemikiran masyarakat terutama generasi muda yang sering melayari internet. Proses pencarian maklumat berlaku dengan cepat dan pantas. Mereka juga dapat berhubung dengan rakan-rakan dari seluruh dunia hanya di hujung jari. Oleh yang demikian, budaya tradisi yang telah dididik sejak kecil dapat disebarluaskan dan dikenali oleh masyarakat luar Pulau Tuba. Secara tidak langsung, masyarakat luar juga dapat mengenali Pulau Tuba dengan lebih dekat dan menjadikannya salah sebuah tempat yang boleh dikunjungi bersama keluarga.

### **KESIMPULAN**

Warisan budaya pula memerlukan masyarakat mengekalkan bentuk budaya mereka yang diamalkan semenjak dahulu. Zaman moden memperlihatkan bahawa sesuatu masyarakat itu mengalami perubahan secara perlahan-lahan akan mengubah kedudukan mereka ke arah kehidupan yang lebih moden yang secara tidak langsung meninggalkan amalan-amalan budaya yang dianggap tidak relevan. Walaupun demikian warisan budaya menghadapi kepupusan kerana budaya dalam masyarakat mengalami pembaharuan apabila masyarakat itu sendiri mengubahsuai bentuk kehidupan mereka dengan keadaan semasa. Maka berlakulah peninggalan amalan budaya lama yang dianggap tidak lagi relevan dengan keadaan semasa.

Di Malaysia situasi sekarang sangat menuntut pembangunan rohani dan moral ke arah kehidupan yang akan memperkasa nilai-nilai murni sosio-budaya. Keutamaan mesti diletakkan menerusi segala jalan bidang-bidang kebudayaan yang luas. Cabaran dalam gerakan pembangunan kebudayaan adalah amat besar pada masa yang mendatang. Kebudayaan yang tinggi dan luhur memberikan kekuatan dan ketahanan pada kewujudan sesuatu peradaban dan impak jangka panjang terhadap keutuhan peradaban bangsa. Dalam hal ini, jelas terbukti masyarakat Pulau Tuba begitu bersungguh-sungguh dalam memastikan kelangsungan tamadun Melayu dan perjuangan mereka dalam mempertahankan sosio-budaya amat menggagumkan

### **RUJUKAN**

- A.Aziz Deraman. (1992). *Tamadun Islam dan pembinaan bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- A.Aziz Deraman. (2005). *Intelektualisme budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Abdul Manaf. (2001). *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions.
- Abdul Rahman Embong. (2000). *Pembangunan: Daripada modenisasi kepada globalisasi*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Falsafah dan Peradaban di Alaf Baru, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 11-12 September.
- Hashim Musa. (2004). *Pemeriksaan tamadun Melayu Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Keesing, R. M. (1971). *New perspectives in cultural anthropology*. New York: Rinehart and Winstons.
- Kajian Rancangan Tempatan Daerah Langkawi. Laporan Teknikal No: 20.0 (2002). Penilaian Kesan Sosial. Majlis Perbandaran Langkawi.
- Mahayudin hj. Yahya. (1998). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Aris Haji Othman. (1985). *Identiti Etnik Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Mohd. Taib Osman. (1988). *Kebudayaan Melayu dalam beberapa persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi. (2005). *Peradaban Melayu*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd . Nakhaie Hj. Ahmad. (2001). *Anjakan sikap dan budaya hidup bangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Rahimah Abdul Aziz. (1989). *Pengantar sosiologi pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2007). *Budaya yang tercabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Scott, J. C. (1985). *Weapons of the weak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Abdul Kadir. (1988). *Budaya popular dalam masyarakat Melayu bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hashim Wah Teh. (1997). *Tamadun silam dan pembinaan tamadun abad kedua puluh satu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yaacob Harun (ed.). (2001). *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.



**LAMPIRAN**



**Rajah 1 : Pokok Tuba**



Rajah 2 : Infrastruktur di Pulau Tuba









